

**DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

**PENGGAL YANG KEDUA
KERTAS PEMBERITAHU
HARI JUMA'AT, 22 APRIL, 1960**

PERTANYAAN² BAGI JAWAB MULUT

***1. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Luar menerangkan samaada Persekutuan rela mengambil initiatif menchela pembunuhan beramai² orang² Afrika Selatan yang di-lakukan oleh Kerajaan Afrika Selatan baru² ini di-Majlis Bangsa² Bersatu.

***2. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Luar menerangkan adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai dasar yang sama dengan Negara² Afro-Asia di-Majlis Bangsa² Bersatu atau dengan Pehak Barat, atau tidak menyebelah ka-mana² pehak.

***3. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Luar menerangkan adakah Kerajaan Persekutuan telah menimbangkan supaya di-beri pengitirafan kepada Republik Raayat China, dan U.S.S.R. dan jika tidak, mengapa.

***4. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menerangkan ada-kah beliau sedar ia-itu jambatan Bailey sementara menyeberang Sungai Rambai, di-tengah jalan besar dekat Bukit Tengah, Seberang Perai, merbahaya keadaan-nya, dan jika demikian, bila-kah beliau akan mengantikan dengan sa-buah jambatan tetap.

***5. Enche' V. Veerappen:** Minta kapada Menteri Kerja Raya Pos, dan Talikom menerangkan ada-kah beliau sedar ia-itu kereta lalu lintas di-jalan besar selalu terganggu di-sebabkan oleh kedudukan jalan keretapi di-Nibong Tebal, jika demikian, bila-kah kerja² akan di-mulakan bagi membuat penyimpangan jalan yang di-chadangkan itu dan bila-kah jambatan tinggi di-dirikan bagi mengelakan gangguan itu.

***6. Enche' S. P. Seenivasagam:** Minta kapada Menteri Luar menerangkan rujok kapada perenggan 160 dalam Penyata Pemereksa Kira² Negara bagi tahun 1958 apa-kah sebab-nya tidak ada penyemak pusat yang betul dan mengapa-kah tidak di-adakan penyelidikan ka atas perbelanjaan yang berlebihan yang di-belanjakan oleh Kedutaan² di-Luar Negeri dalam tahun 1958.

***7. Enche' S. P. Seenivasagam:** Minta kapada Menteri Luar menerangkan rujok kapada perenggan 161 dalam Penyata Pemereksa Kira² Negara bagi tahun 1958 :

- (a) apa-kah sebab-nya maka voucher² tidak di-keluarkan bagi menyokong bayaran² Jabatan di-London dalam bulan December, 1957;
- (b) apa-kah keadaan²-nya yang boleh menghilangkan kira² kewangan Jabatan di-London itu bagi bulan October, 1958, dalam waktu perjalanan-nya;
- (c) siapa-kah yang bertanggong-jawab di-atas kehilangan yang di-nyatakan dan apa-kah tindakan yang telah di-ambil terhadap mereka² yang bertanggong-jawab.

***8. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:** Minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan berapa orang-kah daripada anak² negeri yang telah dapat bekerja di-dalam perusahaan² perintis yang telah di-luluskan Kerajaan dan di-antara-nya berapa-kah pula orang² Melayu, China dan India dan lain².

***9. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah:** Minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan rujok kapada kenyataan yang di-buat oleh Menteri Penolong Perusahaan dan Perdagangan melalui Radio Malaya pada 7 February, 1960, bahawa modal² yang di-tanam oleh anak² negeri di-dalam perusahaan perintis ia-lah sa-banyak \$8,886,500.00 boleh-kah pehak yang bersangkutan di-dalam perkara ini memberi keterangan berapa-kah banyak-nya daripada modal yang di-tanami itu kepunyaan orang² Melayu, China dan India dan lain²; dan ada-kah Kerajaan telah membuat peratoran² yang memudahkan orang² Melayu menanami modal² mereka di-dalam perusahaan² ini.

***10. Enche' Tan Phock Kin:** Minta kapada Menteri Kenderaan menerangkan kapada Majlis keterangan² yang berikut:

- (a) Bagaimana-kah penyelidikan, jika ada, telah di-jalankan bagi menentukan sebab² kerosakan keempat² ferry baharu Surohanjaya Pelabuhan Pulau Pinang;
- (b) Ada-kah kerosakan itu di-sebabkan oleh perbuatan yang burok oleh pembuat-nya apabila memasangkan jentera dan perkakas² lain atau di-sebabkan oleh jentera yang tidak sesuai dan burok, kipas atau perkakas² yang di-bekalkan oleh pembuat-nya;
- (c) Ada-kah Surohanjaya itu di-lindungi daripada kerosakan² ini oleh sa-barang jaminan dan jika ada, apa-kah jaminan² mengikut sharat² jaminan yang di-buat dengan pehak² yang berkenaan dan bagaimana-kah sharat² itu di-gunakan bersabit dengan kerosakan sekarang.

***11. Enche' Tan Phock Kin:** Minta kapada Menteri Kenderaan menerangkan kapada Majlis ini, akan banyak-nya yang telah di-belanjakan sehingga hari ini oleh Surohanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bagi menguruskan perhentian tambahan itu, di-sebabkan oleh kerosakan yang berlaku, dan ada-kah wang itu akan di-dapatkan kembali daripada pehak yang bertanggong-jawab dengan kerosakan itu.

***12. Enche' Tan Phock Kin:** Minta kapada Menteri Kenderaan menerangkan kapada Majlis ini keterangan² yang berikut:

- (i) orang² persa-orangan atau gudang² yang bertanggong-jawab menasehatkan Surohanjaya itu di-atas perkara² berikut:
 - (a) merangka perjanjian;
 - (b) jenis dan kuwalitet jentera, kipas² dan bahagian² lain yang di-gunakan oleh ferry itu.
- (ii) apa-kah sebab-nya maka jenis jentera, kipas dan bahagian lain yang di-gunakan oleh "Pulau Pinang", tiada di-shorkan bagi di-gunakan oleh ferry² baharu itu.

***13. Enche' K. Karam Singh:** Minta kapada Menteri Dalam menerangkan jika beliau sedar ia-itu beratus² permohonan yang berjaya meminta Kera'ayatan Persekutuan yang menghantarkan permohonan-nya melalui Pendaftaran Kera'ayatan, Kelang, telah tidak di-berikan sijil²-nya dan, jika demikian, bila-kah Kerajaan akan menghantarkan sijil² itu kapada yang berkenaan.

PERTANYAAN² BUKAN BAGI JAWAB MULUT

- 1. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Luar menerangkan butir² orang² yang di-benarkan masuk ka-Persekutuan Tanah Melayu guna men-chari pekerjaan dengan menyebutkan negeri asal-nya, jenis kerja dan tempoh mereka tinggal di-sini, dalam tahun 1959.
- 2. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Luar menerangkan butir² orang² papa yang di-hantar balek ka-negeri asal-nya dalam tahun 1959, dengan di-terangkan bangsa dan ka-negeri mana di-hantarkan mereka itu.
- 3. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Buroh menerangkan ada-kah beliau sedar ia-itu perhubungan antara pengelola dan pekerja² di-United Malayan Pineapple Cannery, Johor telah sa-makin buroh keadaan-nya dan apa-kah langkah yang telah di-ambil oleh Kementerian ini bagi membantu kesatuan mendirikan sa-buah badan perbinchangan.
- 4. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Buroh menerangkan berapa-kah bilangan kesatuan buroh yang telah minta di-daftarkan sa-mula hingga 30 haribulan November, 1959.
- 5. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Buroh mengeluarkan satu sinarai menunjukkan kesatuan² buroh yang telah gagal untok di-daftarkan sa-mula hingga 30 haribulan November, 1959.
- 6. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Buroh menerangkan berapa-kah banyak mogok yang telah berlaku di-estate² getah dalam tahun 1959 dan apa-kah keterangan Kerajaan berkenaan dengan mereka yang telah di-rentikan kerja-nya, atau yang telah terkorban.
- 7. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Buroh memberi satu sinarai berkenaan dengan perusahaan² yang ada badan perbinchangan bersama yang resmi di-antara pekerja² dan majikan.
- 8. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Buroh menerangkan berapa-kah belanja hetong panjang tiap² bulan untok membeli makanan dan keperluan lain bagi mereka yang dudok di-Choultry Home, Circular Road, Kuala Lumpur bagi 6 bulan daripada bulan October, 1959 hingga March, 1960.
- 9. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Buroh menerangkan satu-persatu-nya berkenaan dengan jenis-nya ia-itu lelaki dan perempuan dan umur masing² bagi tempoh 12 bulan daripada bulan April, 1959 hingga bulan March, 1960.
- 10. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Buroh menimbangkan supaya menambahkan tempat kediaman bagi penduduk² di-Choultry Home itu dan memberi lagi kemudahan² bagi mereka supaya dapat di-tempatkan di-situ kaum² buroh yang menghadapi kesulitan² yang bertambah² di-sebabkan pemecahan estate².
- 11. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Buroh menerangkan satu persatu akan bantuan² yang di-beri oleh Kumpulan Wang Buroh India Selatan dalam tahun 1959 dengan menunjukkan pertubohan² yang menerima bantuan itu dan berapa-kah jumlah tiap² satu bantuan itu.
- 12. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Buroh menerangkan ada-kah beliau sedar bahawa dengan sebab kaum buroh dari India tidak di-bawa masuk lagi ka-Tanah Melayu, maka kaum buroh di-estate berasa mustahak-lah Wang Kumpulan Buroh India Selatan dapat di-pergunakan sebagai

bantuan biasiswa dan lain² bantuan yang mendatangkan fa'edah kepada-nya dalam soal pelajaran. Ada-kah Menteri itu akan menimbangkan supaya wang itu dapat di-gunakan untuk melaksanakan kehendak² yang tersebut sakiranya ada di-antara mereka yang minta demikian.

13. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Pembangunan Luar Bandar menyebutkan sa-tengah² daripada barang² plastik yang akan di-buat menurut ranchangan Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan dalam usaha-nya hendak menuahkan perusahaan² plastik kechil.

14. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Pembangunan Luar Bandar menerangkan berapa-kah jumlah pendapatan persaorangan orang² kampong dalam satu tahun mengikut kira² sama rata.

15. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan satu persatu-nya akan bilangan ekar penanaman sa-mula getah dalam tahun 1959 mengikut dua pechahan yang tersebut di-bawah ini.

- (a) ladang getah 100 ekar lebeh luas-nya.
- (b) ladang getah yang kurang daripada 100 ekar luas-nya.

16. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Minta kapada Perdana Menteri menerangkan ia-itu oleh kerana ranchangan 5 tahun yang pertama hampir tamat, ada-kah Kerajaan telah menyelidiki perkara² yang tersebut di-bawah ini :

- (a) berapa-kah tambahan pendapatan kebangsaan (National Income) dan berapa-kah pendapatan sa-saorang (per capita income) yang telah tercapai pada akhir ranchangan ini, dan ada-kah perbezaan per capita income itu di-antara orang² di-kampong² dengan orang² di-bandar².
- (b) berapa batu-kah panjang-nya tali² ayer yang telah di-tambah di-sekitar Persekutuan Tanah Melayu sa-lama ranchangan ini telah di-jalankan.
- (c) berapa-kah ekar banyak-nya daripada sawah² padi, kebun getah kecil, kebun kelapa dan kelapa sawit yang telah dapat di-tambahkan sa-lama ranchangan ini berjalan.
- (d) berapa-kah buah sekolah² sama ada sekolah kebangsaan mau pun sekolah umum atau pun sekolah teknik yang telah dapat di-tambahkan dalam masa ini.
- (e) berapa-kah banyak-nya perusahaan² kampong yang telah dapat di-dirikan di-dalam masa ini dan apa-kah perusahaan² itu.